



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)
Mercuri MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan


NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld.3 (6)

Tarikh : 27 Februari 2020

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,



PEKELILING MQA BIL. 1/2020

**PELAKSANAAN SISTEM JAMINAN KUALITI TUNGGAL TVET:
PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI PENUH
PROGRAM TVET**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah mengeluarkan dua pekeliling bertarikh 30 Ogos 2019 berhubung Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical and Vocational Education and Training, TVET) seperti berikut:

- i) Pekeliling MQA Bil. 9/2019 – Penambahbaikan Laluan Pendidikan Graduan TVET; dan
- ii) Pekeliling MQA Bil. 10/2019 – Pemakaian Kod Amalan Akreditasi Program TVET (Code of Practice for TVET Programme Accreditation, COPTPA).

3. Merujuk kepada Pekeliling MQA Bil. 10/2019, COPTPA merupakan sumber rujukan utama kepada semua PPT dalam membangunkan dan menawarkan program TVET di Malaysia. Justeru, PPT perlu **mematuhi ketetapan yang dinyatakan dalam COPTPA** bagi urusan penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh program TVET. Ini termasuklah ketetapan untuk menggunakan **Occupational/Industry Standards and Practices (OISP)** sebagai asas kepada pembangunan kurikulum program TVET yang boleh diperolehi daripada **Daftar OISP** yang dibangunkan secara bersama oleh MQA dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

4. Dimaklumkan bahawa **proses pra pendaftaran adalah dikecualikan** bagi permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh program TVET yang dikemukakan kepada MQA sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Carta alir berkaitan proses permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh program TVET adalah seperti dalam **Lampiran 1**.

5. Berikut merupakan senarai dokumen yang perlu disertakan semasa mengemukakan permohonan kepada MQA:

A. Akreditasi Sementara

- i) Borang A:
Permohonan bagi Perakuan Akreditasi Sementara Program atau Kelayakan
- ii) Borang Permohonan Akreditasi Program TVET (MQATVET-01):
Bahagian A (Maklumat Penyedia TVET), Bahagian B (Maklumat Program) dan Bahagian C (Standard Program TVET)

B. Akreditasi Penuh


- i) Borang B:
Permohonan bagi Perakuan Akreditasi Program atau Kelayakan
- ii) Borang Permohonan Akreditasi Program TVET (MQATVET-02):
Bahagian A (Maklumat Penyedia TVET), Bahagian B (Maklumat Program) dan Bahagian C (Standard Program TVET)

6. Borang A, Borang B, Borang Permohonan Akreditasi Program TVET (MQATVET-01/MQATVET-02) dan senarai OISP boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. IR. DR. KHAIRUL SALLEH BIN MOHAMED SAHARI)


Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti)

(Menjalankan Tugas Ketua Pegawai Eksekutif)

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

E-mel: khairulsalleh@mqa.gov.my

PROSES PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA MQA PROGRAM TVET



PROSES PERMOHONAN AKREDITASI PENUH MQA PROGRAM TVET

